

Sukarelawan UMP bantu mangsa banjir



MOHAMED SAID bersama sukarelawan UMP selepas pelancaran khidmat sukarelawan bencana alam di Kuantan semalam.

KUANTAN - Seramai 200 sukarelawan terdiri staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) turun padang bagi membantu mangsa-mangsa banjir di setiap daerah di negeri ini yang menghadapi musibah itu semalam.

Naib Canselor UMP, Datuk Mohamed Said Mat Lela berkata, tujuan utama program yang digerakkan di bawah Jawatankuasa Bencana Alam UMP itu diadakan adalah untuk meringankan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa terlibat.

"Sukarelawan UMP termasuk saya sendiri dan isteri telah memulakan operasi menghantar bekalan dan membantu mangsa banjir sejak 16 Disember lalu di daerah Pekan dan ia masih dilakukan secara berterusan hingga ke hari ini.

"Setelah air semakin surut, UMP menasarkankan untuk membantu mereka dari aspek membersihkan bangunan

awam seperti masjid, sekolah dan balai raya pula selain menolong golongan tua dan orang kurang upaya berpindah kembali ke rumah masing-masing," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran Khidmat Sukarelawan Jawatankuasa Bencana Alam UMP di sini semalam.

Menurut Mohamed Said, jika dahulu UMP tertumpu ke Pekan, tapi kini kita akan membahagi-bahagikan pasukan sukarelawan mengikut lima daerah utama yang dilanda banjir.

Dalam pada itu, Mohamed Said berkata, jumlah 200 sukarelawan tersebut akan bertambah apabila ramai pelajar universiti berkenaan pulang ke kampus untuk meneruskan pengajian kelak.

"Kita jangka lebih kurang 3,000 lagi pelajar termasuk yang menganggotai Briged Siswa akan turut serta dalam program ini tidak lama lagi," katanya.